

# Dividen tinggi bukan kayu pengukur

**Kuala Lumpur:** Persekutuan ekonomi yang tidak menentu pada masa ini menuntut kita untuk berhemah dalam berbelanja dan pada masa sama, cuba untuk mengecekikan sedikit wang untuk pelaburan bagi membina tabung kecemasan.

Namun begitu, dalam persekitaran agak mencabar ketika ini, antara masalah utama apabila membuat pelaburan ialah memilih lokasi pelaburan terbaik untuk tunai di tangan yang semakin terhad jumlahnya.

Justeru, sebelum memilih lokasi pelaburan, satu perkara penting yang perlu kita tahu ialah kaitan antara risiko dan pulangan yang mana jika kita inginkan pulangan atau dividen tinggi daripada pelaburan, kita perlulah bersedia untuk menanggung kerugian lebih besar.

Sebagai contoh, pelaburan dalam mata wang kripto seperti Bitcoin mungkin kelihatan sangat menarik kerana desas-desus mengenai keuntungan yang pernah diperoleh pelabur, namun hakikatnya risikonya sangat tinggi kerana tiada siapa tahu apakah asas sebenar pelaburan dalam Bitcoin.

Malah pada pertengahan Jun lalu, pelabur Bitcoin dilaporkan mengalami kerugian terbesar dalam sejarah mata wang kripto itu, dengan rekod kerugian berjumlah RM32 bilion.

Ada juga memilih emas sebagai satu bentuk pelaburan, namun hakikatnya emas ialah pelaburan berisiko sederhana.

Nilai modalnya turun naik berdasarkan

harga semasa emas di pasaran antarabangsa.

Malahan emas mempunyai susut nilai yang agak besar terutamanya emas hiasan yang mana selain dikenakan caj upah sebagai tambahan kepada harga emas, barang kemas yang dijual juga mengalami susut nilai kira-kira 25 peratus daripada harga semasa.

Ketika inflasi makanan terus meningkat akibat kenaikan harga barang keperluan seperti minyak masak botol, ayam mentah dan telur, pengguna sewajarnya mengambil sikap berhati-hati apabila melabur dengan memilih pelaburan berisiko rendah untuk kelangsungan jangka panjang.

## Melabur secara konsisten

Dividen atau pulangan tidak sepatahnya menjadi kayu ukuran utama, sebaliknya modal yang terlindung daripada kerugian sepatahnya menjadi faktor penting dalam memilih lokasi pelaburan.

Antara yang terbaik pastinya deposit tetap bank dan pelaburan dalam unit amanah harga tetap seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Kedua-duanya, melindungi modal pelabur daripada kerugian, cuma kelebihan ASB berbanding deposit tetap bank ialah ia mempunyai kecairan lebih tinggi.

Ini bermakna, pelabur boleh mengeluarkan wang pelaburan dalam ASB pada bila-bila masa memerlukan, namun wang yang berbaki dalam akaun masih berpeluang

menerima dividen.

Ini berbeza berbanding deposit tetap yang mana, sekiranya wang dilaburkan dikeluarkan sebelum tempoh matang, pelabur mungkin tidak menerima sebarang dividen, malah ada bank yang mengenakan penalti kerana wang dikeluarkan sebelum waktunya.

Justeru, sekiranya tidak mempunyai lebihan tunai yang banyak, adalah lebih baik sekiranya melabur secara konsisten dalam pelaburan seperti ASB untuk membina tabungan tanpa rasa terbeban.

Jika pelaburan hanya dibuat sebanyak RM50 sahaja setiap bulan, dalam tempoh 3 tahun, pelabur boleh membina tabungan berjumlah RM1,900 sekiranya menerima pulangan purata 4 peratus setahun dengan syarat modal dan dividen tidak dikeluarkan sepanjang tempoh itu.

Apabila melabur, tetapkan matlamat bahawa ia adalah untuk kecemasan semata-mata, jadi jangan sesekali mengeluarkan wang yang dilaburkan itu untuk sesuatu yang berbentuk kehendak.

## Disiplin dan konsistensi

Sememangnya, dalam membina tabungan, apa yang penting ialah konsistensi dan disiplin untuk menjadikannya sebagai amalan atau sebahagian daripada gaya hidup.

Sekiranya kad kredit boleh dibayar minimum lima peratus secara konsisten setiap bulan daripada

jumlah hutang semata-mata untuk memastikannya kekal aktif, pastinya perkara yang sama boleh dibuat untuk pelaburan.

Lebih menguntungkan, berbanding membayar hutang pelaburan yang dibuat dengan ilmu dan dalam instrumen pelaburan yang betul, akan membolehkan pengguna sentiasa mempunyai tabungan untuk kegunaan waktu memerlukan.

Berbanding hutang yang terus bertambah jumlahnya jika dibayar secara sedikit-sedikit, pelaburan dilakukan secara konsisten walau dalam jumlah kecil, akan membolehkan pelabur mempunyai tabungan yang kukuh.

Dengan adanya tabungan sebagai sumber wang berterusan, tidak perlulah lagi menambah hutang setiap kali berlaku perkara luar dugaan atau berdepan kesukaran kewangan berpanjang jika berulang lagi bencana seperti COVID-19.



# KUIZ PELABURAN PNB

#Olympiad30  
#CapaiKemerdekaanKewangan

H	R	X	Z	F	B	C	K	R	H	E	B	P
L	I	W	B	R	C	M	A	B	W	P	E	U
I	S	T	U	I	H	I	E	T	C	N	G	U
N	A	S	V	S	G	J	N	I	G	L	Y	K
F	L	R	Q	I	C	K	H	K	U	C	S	A
G	F	I	P	K	F	L	O	O	U	I	P	E
H	N	S	O	O	P	M	G	I	C	M	N	N
I	I	R	N	Q	P	H	Y	X	N	E	Q	H
J	Z	T	M	A	B	H	S	O	D	P	A	L
K	Z	A	U	L	Z	V	P	I	R	S	T	I
L	Y	N	H	G	S	A	V	A	J	P	F	N
M	A	I	G	Y	B	I	B	H	S	A	E	A
N	A	I	F	S	D	A	C	S	B	K	S	H
A	S	B	K	S	E	M	B	A	J	E	T	S
A	C	D	K	I	W	X	E	V	S	Z	R	Y

## KAEDAH PENYERTAAN

Peserta perlu menjawab soalan dalam 2 bahagian:

### BAHAGIAN 1

#### Cari 5 perkataan tersembunyi.

Klu: Semua perkataan mempunyai kaitan dengan perancangan kewangan dan pelaburan dan dinyatakan dalam artikel yang dilampirkan.

### BAHAGIAN 2 - Olympiad30

Jawab semua 30 soalan yang diberikan.

Panduan jawapan boleh dicari dalam artikel yang diterbitkan bersama promosi Kuiz Pelaburan PNB ini, Facebook & YouTube Sembang-sembang ASNB dan laman web rasmi ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

Pautan borang penyertaan boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau imbas QR code berikut:



[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

2022

Kategori Umum

Tarikh tutup penyertaan:  
**31 Ogos 2022**

**HADIAH-HADIAH UNTUK DIMENANGI**

**PERTAMA 3X RM2,000**

**KEDUA 5X RM1,000**

**KETIGA 7X RM500**

**KEEMPAT 10X RM300**

**KELIMA 25X RM200**

**Saguhati: 75x RM100**

## TERMA & SYARAT UMUM PENYERTAAN

- i. Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia **18 tahun ke atas**.
- ii. Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my). Peserta perlu **menjawab secara dalam talian (on-line)**.
- iii. Peserta perlu menjawab soalan yang disediakan di:
  - Bahagian 1:** Cari lima perkataan tersembunyi dan
  - Bahagian 2:** 30 soalan
- iv. Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- v. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan pengatur. Keputusan pemenang adalah mutkamad.
- vi. Terma dan syarat lengkap Kuiz Pelaburan PNB boleh dilayari di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)